

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2011**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) kos dan perbelanjaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam inkues dan Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock termasuk kos untuk mengupah ahli patologi dari United Kingdom, Dr. Peter Vanezis; dan
- (b) peguam Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah dan peguam-peguam lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung kos dan perbelanjaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam inkues dan Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock, kos keseluruhan ahli patologi dari United Kingdom, Dr. Peter Vanezis adalah sebanyak RM90,680.00 yang meliputi perbelanjaan tiket penerbangan, penginapan, perbelanjaan makan minum, pengangkutan dan bayaran khidmat profesional.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi khidmat yang diberikan oleh peguam Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah, SPRM telah membayar RM150,000.00 sebagai bayaran guaman beliau.

Sekian. Terima kasih.